

# LATAR BELAKANG & OBJEKTIF

## Latar Belakang

Pertandingan ini dilaksanakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 Peringkat Daerah Muar. Tujuan pertandingan ini adalah untuk memberi pengiktirafan serta penghormatan kepada jabatan/agensi yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi dalam menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan ke-65 tahun 2022.

## Objektif

- Memupuk semangat patriotism yang tinggi dan cinta kepada negara.
- Meningkatkan kesedaran dan penghayatan erti kemerdekaan negara kepada generasi masa kini.
- Mendorong dan mencetus kreativiti dalam menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan ke-65.

# KRITERIA PEMARKAHAN

## Aspek kreativiti : 50%

Seperti keunikan pelbagai reka bentuk menggunakan bendera (Termasuk bendera Negeri), pembentukan mercu tanda seperti gerbang, arca dan sebagainya, kekemasan susunan atur bendera atau menonjolkan suasana keceriaan dan kemeriahan Sambutan Hari Kebangsaan.

## Aspek Daya Tarikan : 20%

Menonjolkan kelainan seperti membuat bendera menggunakan flora, penggunaan bahan-bahan terpakai dan sebagainya.

## Aspek Nilai Tambah : 10%

Menterjemah tema Hari Kebangsaan dengan menyediakan slogan atau kata-kata patriotik dalam bentuk paparan, kain rentang atau reka bentuk yang mencerminkan tema Hari Kebangsaan.

## Aspek Kekemasan/Kebersihan : 10%

Persekitaran bangunan atau premis sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.

## Aspek Inisiatif "Low Carbon" : 10%

Inisiatif bangunan dalam penyediaan sistem penuaian air hujan (spah), tong sampah smart bin, mempunyai persijilan/pengiktirafan bangunan hijau ataupun mempunyai sistem solar.

# BORANG PENYERTAAN

## KATEGORI

AGENSI KERAJAAN

SWASTA(KOMERSIAL / KEDIAMAN)

SEKOLAH

Nama / Organisasi: \_\_\_\_\_

Nama Bangunan (Jika Ada): \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

No. Telefon Rumah: \_\_\_\_\_

No. Telefon Bimbit: \_\_\_\_\_

No. Faks: \_\_\_\_\_

No. Telefon Pejabat: \_\_\_\_\_

Nama peserta untuk dihubungi: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

### Nota:

1. Sila sertakan beberapa keping gambar bersaiz 3R atau 4R di dalam kertas A4 daripada sudut pandangan yang berbeza. (Gambar yang dikemukakan **TIDAK AKAN** dikembalikan semula dan menjadi hak untuk tujuan rekod.

2. Borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada Bahagian Landskap, Majlis Perbandaran Muar (MPM) selewat-lewatnya **25 Ogos 2022 (Khamis)** jam 12.00 Tengah hari atau emelkan kepada [landskapmpm@gmail.com](mailto:landskapmpm@gmail.com).

3. Penyertaan boleh menggunakan borang asal atau borang fotokopi dan boleh didapati melalui pejabat atau jabatan seperti yang dinyatakan diatas.

## JENIS KATEGORI

1. Agensi Kerajaan
2. Swasta  
(Komersial / Rumah Kediaman)
3. Sekolah / Institut Pendidikan

## KRITERIA PERTANDINGAN

1. Keceriaan Bangunan  
( Cat dan Dekorasi hiasan)
2. Keindahan landskap dan keseimbangan dengan persekitaran kreativiti.
3. Mengibarkan Jalur Gemilang di kawasan persekitaran premis dengan cara yang kreatif.
4. Kebersihan kawasan premis.
5. Persekitaran bangunan yang mesra pengguna.

## HADIAH PERTANDINGAN

### Kategori Agensi Kerajaan

- Pertama : Wang Tunai RM 1,000.00  
Kedua : Wang Tunai RM 500.00  
Ketiga : Wang Tunai RM 250.00

### Kategori Swasta (Komersial)

- Pertama : Wang Tunai RM 500.00  
Kedua : Wang Tunai RM 300.00  
Ketiga : Wang Tunai RM 100.00

### Kategori Swasta (Rumah Kediaman)

- Pertama : Wang Tunai RM 500.00  
Kedua : Wang Tunai RM 300.00  
Ketiga : Wang Tunai RM 100.00

### Kategori Sekolah

- Pertama : Wang Tunai RM 1,000.00  
Kedua : Wang Tunai RM 500.00  
Ketiga : Wang Tunai RM 250.00



## PERTANDINGAN MENGHIAS BANGUNAN DAN LANDSKAP

*Sempena*  
**Sambutan Hari  
Kebangsaan Ke-65  
Tahun 2022**



landskapmpm@gmail.com

06-9528051